

2

AKHBAR MELAYU PERJUANGAN DI SARAWAK :
SATU KAJIAN TERHADAP FAJAR SARAWAK 1930
DAN UTUSAN ASAS 1947-1948

Oleh :
NORDI BIN ACHIE
L 19797

Disertasi Untuk Memenuhi Keperluan Ijazah Sarjana
Sastera Fakulti Sastera dan Sains Sosial

Jabatan Sejarah
Universiti Malaya
Kuala Lumpur

2001

Perpustakaan Universiti Malaya



A510824941

ok

ISI KANDUNGAN**HALAMAN**

| | |
|-------------|---------|
| Dedikasi | iii |
| Penghargaan | iv-vi |
| Singkatan | vii |
| Abstrak | viii-ix |
| Pendahuluan | x-xxiv |

**BAB 1 : LATAR BELAKANG DAN PERKEMBANGAN PERSURATKHABARAN
DI SARAWAK 1870-1950**

| | |
|--|-------|
| Pengenalan | 1-6 |
| Sejarah Ringkas Perkembangan Persuratkhabaran Di Sarawak 1870-1950 | 6-35 |
| Latar Belakang Penerbitan <i>Fajar Sarawak</i> 1930 dan <i>Utusan ASAS</i> 1947-1948 | 35-66 |
| Kesimpulan | 66 |

BAB 2 : PENGASASAN, LATAR BELAKANG DAN PENUTUPAN

| | |
|------------------------------|---------|
| <i>Fajar Sarawak</i> 1930 | 67-107 |
| <i>Utusan ASAS</i> 1947-1948 | 108-125 |

BAB 3 : FAJAR SARAWAK : ISU DAN PERSOALAN

| | |
|---|---------|
| Kesedaran Dijajah | 126-141 |
| Kelemahan Pemimpin Melayu | 141-155 |
| Kemajuan dan Masa Depan Melayu | 155-170 |
| Perpaduan Melayu dan Persaudaraan Islam | 171-181 |
| Idea dan Pengaruh Reformis Islam | 181-191 |
| Kemunduran Ekonomi | 191-204 |

| | |
|---------------------------------|---------|
| Pendidikan dan Ilmu Pengetahuan | 204-217 |
| Tanah Simpanan Melayu | 217-223 |

BAB 4 : UTUSAN ASAS : ISU DAN PERSOALAN

| | |
|---|---------|
| Penyerahan Sarawak | 224-249 |
| Penjajahan dan Kemerdekaan Sarawak | 250-266 |
| Penahanan Anthony Brooke | 267-280 |
| Lawatan Listowel | 281-293 |
| Usaha Memecahbelakan Golongan Anti Penyerahan | 294-310 |
| Pendidikan dan Sekolah Rakyat | 310-316 |
| Perang Dingin | 317-321 |

| | |
|------------------------|---------|
| BAB 5 : PENUTUP | 321-338 |
|------------------------|---------|

| | |
|--------------------|---------|
| BIBLIOGRAFI | 339-377 |
| LAMPIRAN | 378-391 |
| BIODATA | 392-393 |

Dedikasi :

MUHAMMAD Abdullah

Al-Amin

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang.

Alhamdulillah. Setinggi-tinggi kalimah kesyukuran dirafa'kan ke hadrat Allah SWT kerana menganugerahkan kesihatan, kelapangan dada dan ketenangan fikiran kepada penulis di sepanjang tempoh menyiapkan kajian ini. Ia tidak mungkin disiapkan tanpa keizinan, keredhaan dan rahmat-Nya.

Setinggi-tinggi penghargaan kepada Profesor Madya Dr. Adnan Haji Nawang atas kritikannya yang membina. Begitu juga keprihatinan beliau terhadap prinsip kajian objektif, penulisan padat dan penghujahan kukuh. Saranannya tentang kepentingan meletakkan perbincangan dalam konteks sezaman meluaskan lagi sempadan perbincangan. Kajian menjadi lebih mantap hasil ketelitian dan ketegasannya juga. Kesemuanya ini amat bermakna dalam kajian kerdil ini.

Kepada Profesor Dato' Dr. Muhammad Yusoff Hashim dan Profesor Dr. Abdullah Zakaria Ghazalli (Pak Lah), penulis amat terhutang budi kerana ditawarkan jawatan Pengajar Sementara (Tutor) di Jabatan Sejarah 1999-2003. Ini amat bermakna bagi penulis kerana hampir keseluruhan bahan pengajaran untuk Sejarah Malaysia dan Sejarah Awal Eropah dapat digunakan untuk menyiapkan kajian ini.

Kepada Profesor Dr. Ramlah Adam, penulis terhutang budi dengan dorongan dan galakan yang diberikannya. Kerajinan dan kesungguhannya amat penulis kagumi. Semoga beliau sentiasa tabah menghadapi cabaran dunia akademik.

Penghargaan juga ditujukan kepada Encik Sanib Said. Ketika menyiapkan Latihan Ilmiah pada 1997, beliau mencadangkan kepada penulis agar membuat penyelidikan tentang persuratkhabaran Melayu di Sarawak sebagai kajian lanjutan.

Kepada Suffian Mansor, penulis terhutang budi dengan bantuan kewangan dan kesediaannya meneliti draf akhir kajian. Beliau memberikan pandangan bernas dan idea tersendiri ketika penulis menghadapi kebuntuan menyiapkan kajian. Tidak lupa juga kepada Azaruddin Mohamad Dali dan Zulkarnain Abdul Rahman atas bantuan dan dorongan yang diberikan.

Penulis terharu dengan suntikan emas Encik Ahmad Kamal Ariffin. Beliau menegaskan, yang sedikit itulah yang mahal. Ia menyedarkan penulis kepentingan menghargai cebisan *Fajar Sarawak* dan *Utusan ASAS* yang masih kekal.

Penghargaan juga ditujukan kepada Dr. Hamidin Abd. Hamid kerana penjelasannya tentang kerangka teori dan kritikan sumber dalam konteks penulisan sejarah yang kritis. Begitu juga penjelasan Encik Siva mengenai analisis dan hipotesis dalam sejarah.

Di Sarawak, penulis amat terhutang budi dengan Puan Nora Sapiee di Arkib Negeri Kuching. Beliau bertungkus-lumus mendapatkan bahan kajian untuk penulis. Antara yang turut membantu : Tan Sri Dato' Dr. Haji Samaon Morshidi, Dato' Sri Panglima Dr. Haji Darus Haji Mohamad, Datuk Haji Mortadza Haji Daud, Abang Haji Rakawi, Abang Helmi, Haji Mohammad Hasbie Sulaiman, Abdul Hamid dan Ahmad Shukor Haji Abdul Rahman.

Di Universiti Malaya, penulis menerima bantuan kewangan melalui Peruntukan Penyelidikan Jangka Pendek (PPJP). Tidak lupa juga kepada Abang Tukimin, Abang Mat, Abang Karim di samping Kak Fidah, Kak Syam dan Kak Pauline yang memberikan kerjasama.

Teristimewa buat Harliana Mohd. Ariffin. Terima kasih atas bantuan, kasih sayang dan kesabaran sebagai isteri. Tidak lupa juga untuk puteri harapan, Nurul Natasya Nabilah dan Nurul Natasya Nisrina – pemudi tiang negara, srikandi harapan bangsa.

Semoga Allah SWT merahmati kalian di dunia dan akhirat.

NORDI BIN ACHIE

Jabatan Sejarah

Universiti Malaya

50603 Kuala Lumpur.

17 November 2001 / 1 Ramadhan 1422

SINGKATAN

| | |
|------|---|
| ASAS | - Angkatan Semangat Anak Negeri Sarawak |
| BPS | - Barisan Pemuda Sarawak |
| FS | - <i>Fajar Sarawak</i> |
| KIS | - Kaum Ibu Sarawak |
| KRIS | - Kesatuan Rakyat Indonesia Sarawak |
| MPSI | - Maktab Perguruan Sultan Idris |
| PI | - Persatuan Iban |
| PKMS | - Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak |
| PMM | - Persatuan Melayu Muda |
| PPM | - Persatuan Pemuda Melayu |
| PPR | - Pejabat Perhubungan Raya |
| SAW | - Salallahu ‘Alaihi Wassalam |
| SDA | - Sarawak Dayak Association |
| SMUS | - Sarawak Malayan Union Singapore |
| SWT | - Subhana Wa Ta’ala |
| UA | - <i>Utusan ASAS</i> |
| USNA | - United Sarawak National Organization |

ABSTRAK

Kajian ini memfokuskan perbincangan tentang persuratkhabaran Melayu di Sarawak. Tumpuan kajian dilakukan terhadap *Fajar Sarawak* dan *Utusan ASAS*. Ia bertujuan mengupas isi kandungan *Fajar Sarawak* dan *Utusan ASAS* secara menyeluruh dan mendalam. Pengasasan, latar belakang dan penutupan akhbar juga dibincangkan. Sejarah perkembangan persuratkhabaran di Sarawak dalam tempoh 1870-1950 juga disentuh. Ia merangkumi perkembangan persuratkhabaran tempatan dan luar negeri yang pernah diedarkan ke Sarawak. Latar belakang penerbitan akhbar Melayu juga dibincangkan di samping perbandingan antara *Fajar Sarawak* dan *Utusan ASAS*. Melalui kajian ini, idea dan perjuangan akhbar dalam konteks zamannya, agenda, peranan dan sumbangannya terhadap masyarakat sezaman dapat dikenal pasti. Perlu ditegaskan, penerbitan *Fajar Sarawak* dan *Utusan ASAS* menunjukkan kesedaran dan kesungguhan anak negeri berkecimpung dalam kegiatan penerbitan akhbar seperti di Tanah Melayu. Perkembangan akhbar Melayu perjuangan di Sarawak mengambil masa yang panjang, menjangkau 20 tahun (1930-1950). Ia terhenti selepas penutupan *Fajar Sarawak* pada 16 Jun 1930 sehingga *Utusan ASAS* diterbitkan pada 10 Oktober 1947. *Utusan Sarawak* (1949-1971) merupakan akhbar Melayu perjuangan yang terakhir diterbitkan di Sarawak. Sebagai akhbar berorientasikan perjuangan, *Fajar Sarawak* dan *Utusan ASAS* berperanan sebagai penjana pemikiran progresif dan anti kolonial. Ini adalah mata rantai dan kesinambungan arus perjuangan persuratkhabaran Melayu yang dipelopori oleh reformis Islam sejak penerbitan *Al-Imam* (1906-1908).

ABSTRACT

This study focuses on the Malay newspapers in Sarawak. Its main focus is on *Fajar Sarawak* and *Utusan ASAS*. Its aim is to have an indepth study on the main issues highlighted by *Fajar Sarawak* and *Utusan ASAS*. The foundation, background and closing down of the newspapers are also being discussed. The growth of the local newspapers from 1870-1950 is also being touched on. This includes the circulation of foriegn newspapers into Sarawak. Apart from the comparison between *Fajar Sarawak* and *Utusan ASAS*, the background on the Malay newspapers publication are also being discussed. To a large extent, the idea and struggle (*perjuangan*) of the newspapers in those years, the agenda, function and its contribution towards the society can be acknowledged. As a matter of fact, the publication of *Fajar Sarawak* dan *Utusan ASAS* indicated the awareness and diligence of the Malays in Sarawak, who were influenced by the development of the Malay newpapers in the Malay Peninsular. The struggle of the Malay newspapers in Sarawak took 20 years (1930-1950). It stopped after *Fajar Sarawak* was closed down on 16th Jun 1930. It later emerged again as *Utusan ASAS* was published on 10th October 1947. *Utusan Sarawak* (1949-1971) was the last resort of the Malay *perjuangan* newspaper that was published in Sarawak. As the *perjuangan* newspaper oriented, *Fajar Sarawak* and *Utusan ASAS* were used as a means to clarify progressive and anti colonial thoughts. These were the contributions of the Malay *perjuangan* newspapers which were pioneered by the Islamic reformists after the emergence of *Al-Imam* (1906-1908).

PENDAHULUAN

Akhbar merupakan skrin kehidupan, pantulan pemikiran dan perakam peristiwa. Ia berperanan sebagai sumber pemancar maklumat, medan memercikkan kritikan dan corong aduan yang berkesan. Akhbar menjadi saluran mencetuskan gerak hati nurani masyarakat secara terbuka. Ia juga berperanan sebagai pusat dialog dan forum hal ehwal semasa. Akhbar merupakan alat propaganda, semboyan pembangkit kesedaran dan agen perubah masyarakat. Hakikat ini turut disedari oleh penulis yang menggunakan nama pena, “IWADARAHMAN” dan “DEHA”. “IWADARAHMAN” mengungkapkan :

Surat Khabar di-sisi orang yang terpelajar ya’ni orang yang tahu akan faedah-nya ia-lah sebagai ‘makanan manusia’, kerana surat khabar itu ia-lah lidah segala manusia yang berilmu bagi menyata-kan segala maksud2 dan fikiran2 mereka yang [ber]kebijakan yang di-hambor-kan untuk muslihat saudara2 mereka yang lagi maseh dalam [ke]gelap[an].

Surat khabar itu-lah dalil ketinggian raayat kerana tiap2 negeri apabila banyak pada-nya surat2 khabar menunjukkan raayatnya telah menchapai kemajuan dan kemerdekaan fikiran.

Surat2 khabar itu-lah medan segala kalam ahli sha’er, ahli pengetahuan, ahli siasah ... dapat-lah kita me[ng]umpamakan surat2 khabar itu sebagai mengandungi bermacam2 perkara yang boleh memenoh-kan otak pembacha2-nya dengan berbagai2 ilmu sama ada ilmu dunia mau pun ilmu akhirat.

Surat khabar itu chermin dan penasehat yang keperchayaan [dipercayai] bagi raayat, petunjuk yang berjaya bagi hakim2 dan utusan yang menyampai-kan perkhabaran yang jauh dengan pengatahan dan pengenalan yang nyata....

Surat khabar itu-lah seumpama ulama yang mengelilingi dunia ini daripada mashrik [timur] ka-maghrib [barat] menyata-kan segala pemandangan, pendapat dan pengatahan-nya kepada pembacha2 yang terhormat, bahkan surat khabar itulah perisai raayat buat menahan-kan diri mereka daripada bahaya kedzaliman yang hendak menimpa-kan mereka.

Surat khabar itu sebagai anggota yang kuat bagi menyusun-kan perhimpunan kebijakan dan penulong yang besar pada segala pekerjaan yang di-tuntut oleh masa [kemajuan], dan daripada surat2 khabar juga ilmu pengatahan sesaorang itu boleh bertambah.¹

“DEHA” pula menegaskan :

[A]khbar kepada kita adalah sebagai suloh dan obor, sebagai badan perantara untuk menyampaikan sesuatu hal atau fikiran dari satu pehak kepehak yang lain, dari raayat kepada pemerintah. Juga untuk memperkenalkan Negara kita kepada dunia luaran.

[D]isitulah buah fikiran dan kemauan raayat yang sebenar2nya dapat dipaparkan dengan seluas2nya dan semerdeka-merdekaanya. Negara dengan tidak ada persuratkhabarannya adalah ibarat negara yang tertutup, negara luaran tidak dapat mengetahui suasana yang sebenarnya atau terjadi disana.²

Selain berperanan sebagai alat politik, akhbar merupakan wadah menyuarakan kepentingan dan masalah sosioekonomi.³ Kelangsungan akhbar pula bergantung kepada

¹ *Utusan Sarawak*, 16 Mei 1949, hlm. 1.

² *Utusan Sarawak*, 27 Jun 1949, hlm. 4.

³ Untuk perbincangan lanjut, rujuk E. Lloyd Sommerlad, *The Press In Developing Countries*, Sydney University Press, Sydney, 1966, hlm. 54-66.

kuasa pemerintah⁴ dan kehendak umum.⁵ Menyedari pengaruhnya yang meluas dalam masyarakat,⁶ akhbar adalah aset yang penting untuk dijadikan bahan penyelidikan.

⁴ Untuk perbincangan lanjut, rujuk Charles Wintour, *Pressures On The Press : An Editor Looks At Fleet Street*, Andre Deutsch, London, 1972, hlm. 107-172. John. A. Lent, *Newspapers in Asia : Contemporary Trends and Problems*, Heinemann Asia, Hong Kong, 1982. Ami Ayalon, *The Press in the Arab Middle East : A History*, Oxford University Press, New York, 1995. Edwin Emery, *The Press and America : An Interpretative History of Journalism*, Prentice-Hall, London, 1962. Great Britain Central Office of Information Reference Division, *The British Press*, Reference Division Central of Office Information, London, 1966. Anthony Smith, *The Newspaper : An International History*, Thames and Hudson, London, 1979. Joseph Frank *The Beginnings of the English Newspaper 1620-1660*, Harvard University Press, United States of America, 1961.

⁵ Untuk perbincangan lanjut, rujuk Iain Colquhoun, *A Prosperous Press*, The Stellar Press, Barnet, 1961, hlm. 7-10. E. Llyod Sommerland, *The Press In Developing Countries*, hlm. 139-165.

⁶ C.P. Scott, pengarang akhbar *Manchester Guardian* (London) menegaskan, “it [newspaper] is an institution ; it reflects and it influences life of a whole community ; it may even affect wider destinies. It is, in its way, an instrument of government. It plays on the minds and consciences of men. It has therefore a moral as well as a material existence”. Dipetik daripada Iain Colquhoun, *A Prosperous Press*, hlm. 8. J.G. Bannet, pengasas akhbar *New York Herald* (New York) menegaskan “newspaper can be made to take the lead of all these in the great movements of human thought and of human civilization”. Dipetik daripada Bernard A. Weisberger, *The American Newspaperman*, The University of Chicago Press, United States of America, 1961, hlm. 98. Rujuk juga Melvin L. De Fleur and Sandra Ball-Rokeach (terjemahan Noor Bathi Hj. Baharudin), *Teori Komunikasi Massa*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1992, hlm. 47. Untuk perbincangan lanjut tentang peranan dan pengaruh media massa (termasuk akhbar), rujuk Lewis Anthony Dexter and David Manning White (ed.), *People, Society and Mass Communications*, The Free Press, New York, 1964. Jay G. Blumer and Elihu Katz (ed.), *The Uses of Mass Communications*, Sage Publications, London, 1974. Harold D. Laswell, *Propaganda and Communications in World History*, An East-West Center, United States of America, 1979. John B. Thomson, *The Media and Modernity*, Polity Press, Cambridge, 1995. Brian Winston, *The Image of the Media*, Davis-Poynter, London, 1973. Jeremy Tunstall, *Media Sociology : A Reader*, Constable Publications, London, 1979. Mohd. Hamdan Haji Adnan, *Pendapat Umum*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1995. Alan Wells (ed.), *Mass Media and Society*, Mayfield Publishing Company, California, 1975.

Daripada kajian perpustakaan yang dibuat setakat ini, terdapat empat bentuk kajian sejarah persuratkhabaran Melayu. Pertama, kajian yang dibuat secara menyeluruh, kedua kajian secara khusus, ketiga kajian terhadap kumpulan akhbar terpilih dan keempat, kajian terhadap perkembangan sistem akhbar.

Tulisan Ahmat Adam, *Sejarah dan Bibliografi Akhbar dan Majalah Melayu Abad Kesembilan Belas*⁷ dikategorikan sebagai tulisan berbentuk menyeluruh. Ahmat Adam membincangkan sejarah perkembangan dan bibliografi persuratkhabaran Melayu di Asia Tenggara (khususnya Indonesia) dan Malaysia (khususnya Tanah Melayu).

Begitu juga tulisan A.M. Iskandar, *Persuratkhabaran Melayu 1876 - 1968*.⁸ Beliau menyusun secara kronologi perkembangan persuratkhabaran Melayu di Tanah Melayu dalam tempoh tersebut. A.M. Iskandar juga memberikan butiran ringkas setiap akhbar dan majalah.

Tulisan William R. Roff tentang persuratkhabaran Melayu iaitu *Bibliography of Malay and Arabic Periodicals Published In The Straits Settlements and Peninsular Malay States 1876 – 1941, Guide to Malay Periodicals 1876 – 1941*, dan *Sejarah Surat-surat Khabar*

⁷ Ahmat Adam, *Sejarah dan Bibliografi Akhbar dan Majalah Melayu Abad Kesembilan Belas*, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1992.

⁸ A.M. Iskandar Haji Ahmad, *Persuratkhabaran Melayu 1876-1968*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1973.

Melayu,⁹ memberikan tumpuan kepada persuratkhabaran Melayu di Tanah Melayu. William R. Roff juga memberikan butiran dan perkembangan ringkasnya.

Terdapat juga koleksi tulisan tentang akhbar Melayu terpilih seperti *Lembaran Akhbar Melayu* yang diselenggarakan oleh Khoo Kay Kim.¹⁰ Dalam *Lembaran Akhbar Melayu*, terdapat tulisan tentang *Al-Imam*, *Bulan Melayu*, *Utusan Melayu*, *Pelita Malaya*, *Majlis*, *Melayu Raya* dan *Kritik*.

Tulisan secara khusus terhadap akhbar Melayu juga telah diusahakan. Antaranya (sekadar menyebut yang terpilih sahaja) tulisan Abu Bakar Hamzah, *Al-Imam : Its Role in Malay Society 1906 – 1908*,¹¹ Zulkifli Mahmud, *Warta Malaya : Penyambung Lidah Bangsa Melayu 1930 – 1941*¹² dan Zakiah Hanum, *Tercabarnya Maruah Bangsa : Satu Himpunan Pemikiran Wartawan Akhbar Majlis 1945 - 1948*.¹³

⁹ William R. Roff, *Bibliography of Malay and Arabic Periodicals Published in the Straits Settlements and Peninsular Malay States 1876-1941*, Oxford University Press, London, 1972, *Guide to Malay Periodicals 1876-1941*, Eastern Universities Press, Singapore, 1961 dan *Sejarah Surat-surat Khabar Melayu*, Monograf Persekutuan Bahasa Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1967.

¹⁰ Khoo Kay Kim (ed.), *Lembaran Akhbar Melayu*, Persatuan Sejarah Malaysia, Kuala Lumpur, 1980.

¹¹ Abu Bakar Hamzah, *Al-Imam : Its Role in Malay Society 1906-1908*, Media Cendikiawan Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1981.

¹² Zulkifli Mahmud, *Warta Malaya : Penyambung Lidah Bangsa Melayu 1930-1941*, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1979.

¹³ Zakiah Hanum, *Tercabarnya Maruah Bangsa : Satu Himpunan Pemikiran Wartawan Akhbar Majlis 1945-1948*, Lajmeidakh Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1987.

Satu lagi tulisan tentang akhbar diusahakan oleh Mohd. Safar Hasim bertajuk, *Akhbar dan Kuasa : Perkembangan Sistem Akhbar di Malaysia Sejak 1806*.¹⁴ Ia bukan membincangkan sejarah akhbar di Malaysia tetapi perkembangan sistem akhbar, khususnya sekatan undang-undang yang dikenakan oleh pemerintah terhadap kebebasan akhbar dan majalah.

Dalam konteks sejarah persuratkhabaran Melayu di Sarawak, R.H.W. Reece pernah menulis tentang *Fajar Sarawak*. Tetapi, tulisannya membincangkan *Fajar Sarawak* secara umum sahaja. Tulisannya yang terawal ialah “The First Malay Newspaper in Sarawak”.¹⁵

Phillip Lee Thomas pula melakukan transliterasi *Fajar Sarawak* kepada rumi. Beliau juga menghimpunkan koleksi *Fajar Sarawak* yang masih kekal. Usahanya ini menghasilkan sebuah lagi kajian iaitu *Fajar Sarawak : Akhbar Bahasa Melayu Yang Pertama Di Sarawak 1930*.¹⁶ Sumbangan beliau hanya dalam aspek transliterasinya sahaja.

Perbincangan terhadap aspek latar belakang dan isi kandungan *Fajar Sarawak* dilakukan oleh R.H.W. Reece. Namun, ia tidak dibincangkannya secara menyeluruh dan mendalam.

¹⁴ Mohd. Safar Hasim, *Akhbar dan Kuasa : Perkembangan Sistem Akhbar di Malaysia Sejak 1806*, Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1996.

¹⁵ R.H.W. Reece, “The First Malay Newspaper in Sarawak”, *Sarawak Gazette*, April 1981, hlm. 9-11.

¹⁶ Persatuan Kesusastraan Sarawak, *Fajar Sarawak : Akhbar Bahasa Melayu Yang Pertama Di Sarawak 1930*, Fajar Bakti, Petaling Jaya, 1984.

Malah, beliau mengulangi pendapatnya yang pernah disiarkan oleh *Sarawak Gazette*, “the purpose of *Fajar* was religious and political”.¹⁷

Pendapat Reece diulangi oleh Jaraiee @ Jarmi Sawal.¹⁸ Ini menyebabkan beliau menafikan peranan *Fajar Sarawak* terhadap perkembangan bahasa dan kesusasteraan Melayu di Sarawak. Jaraiee tidak memperhalusi keseluruhan isi kandungan *Fajar Sarawak*. Beliau juga membuat penilaian yang kurang teliti terhadap *Fajar Sarawak* seperti Reece.

Menerusi tulisannya, *Perkembangan Pelajaran Bumiputera Sarawak 1841-1941*,¹⁹ Sabihah Osman juga terpengaruh dengan pendapat Reece.²⁰ Beliau menafikan peresapan

¹⁷ Persatuan Kesusasteraan Sarawak, *Fajar Sarawak*, hlm. viii (versi bahasa Inggeris) dan hlm. xvii (versi bahasa Melayu). R.H.W. Reece, “The First Malay Newspaper in Sarawak”, hlm. 9.

¹⁸ Jaraiee @ Jarmi Sawal, “Sumbangan *Utusan Sarawak* Terhadap Perkembangan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu di Sarawak 1949-1971,” Latihan Ilmiah B.A., Rancangan Penulisan Kreatif dan Deskriptif, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1984/1985, hlm. 68.

¹⁹ Sabihah Osman, “*Perkembangan Pelajaran Bumiputera Sarawak 1841-1941*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1990, hlm. 140-142. Ia berasal daripada Disertasi Sarjana yang diajukannya kepada Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia pada 1974. Tajuk asalnya, “Perkembangan Pelajaran Bumiputera Sarawak Dalam Zaman Rejim Brooke 1841-1941”.

²⁰ Beliau mengatakan, “there was no reflection of the *kaum muda-kaum tua* debate which had been dominating the intellectual life of Peninsular Malays from early in the century”. Menurutnya lagi, pengaruh *kaum muda* disekat oleh Haji Daud Abdul Ghani (salah seorang sidang pengarang *Fajar Sarawak*) yang dikatakan “fought strongly against whatever *kaum muda* influence was coming into Sarawak from Malayan and Indonesian newspapers”. Tetapi, Reece tidak pula menyandarkan pendapatnya dengan sumber yang kukuh. Persatuan Kesusasteraan Sarawak, *Fajar Sarawak*, hlm. ix.

pengaruh reformis Islam di Sarawak.²¹ Dalam artikelnya, “*Fajar Sarawak* dan *Utusan Sarawak* Peniup Semangat Kesedaran Dan Perpaduan Orang-Orang Melayu Sarawak”,²² Sabihah terpengaruh dengan pendapat Reece apabila mengatakan “Datu-datu [Melayu] bekerjasama dengan rejim Brooke untuk memberhentikan penerbitan *Fajar Sarawak*”.²³

Hajijah Jais menerusi artikelnya, “*Fajar Sarawak* dalam Bidang Penerbitan Dekad 30-an”, meskipun meragui peranan pemimpin Melayu yang dikatakan oleh Reece “allied themselves with the Brooke government to close *Fajar*”,²⁴ tetapi sependapat pula dengan penulis berkenaan dalam penegasannya, “akhbar ini [*Fajar Sarawak*] sebenarnya lebih condong kepada kepentingan politik dan agama”.²⁵

Terdapat juga artikel yang menyentuh secara ringkas latar belakang dan perkembangan akhbar Melayu di Sarawak. Ia ditulis oleh Jaraiee @ Jarmi Sawal, “Akhbar Bahasa Melayu Sarawak : Satu Analisis Peranan”.²⁶ Beliau menghuraikan secara ringkas

²¹ Sabihah Osman, “Perkembangan Pelajaran Bumiputera Sarawak 1841-1941”, hlm. 141.

²² Sabihah Osman, “*Fajar Sarawak* dan *Utusan Sarawak* Peniup Semangat Kesedaran Dan Perpaduan Orang-Orang Melayu Sarawak”, dalam Mohd. Sarim Hj. Mustajab (et al.), *Akhbar dan Majalah di Malaysia : Sejarah dan Perkembangan*, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1988, hlm. 205-227.

²³ Ibid., hlm. 211.

²⁴ Persatuan Kesusastraan Sarawak, *Fajar Sarawak*, hlm. xii.

²⁵ Hajijah Jais, “*Fajar Sarawak* dalam Bidang Penerbitan Dekad 30-an”, dalam Hamzah Hamdani (ed.), *Wajah Sastera Sarawak*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1988, hlm. 79-83.

kepentingan dan peranan akhbar Melayu. Ia meliputi *Fajar Sarawak*, *Utusan ASAS* dan *Utusan Sarawak*.

Rencana ringkas tentang *Fajar Sarawak* juga terdapat dalam *Sarawak Gazette*,²⁷ *Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu*²⁸ dan *Wajah Sastera Sarawak*.²⁹ Ia menyentuh secara umum pengasasan, latar belakang dan isi kandungannya. Tetapi, *Utusan ASAS* pula hanya disentuh sepintas lalu sahaja.³⁰

Mohd. Setar Mohd. Rani turut membincangkan secara umum latar belakang dan isi kandungannya *Fajar Sarawak* menerusi artikelnya, “Kegiatan golongan Melayu terpelajar di Sarawak dalam bidang penulisan 1930-1950”.³¹ Tetapi, beliau mengabaikan

²⁶ Jaraiee @ Jarmi Sawal, “Akhbar Bahasa Melayu Sarawak : Satu Analisis Peranan”, Seminar Persuratkhabaran Melayu Sarawak, 26 Oktober 1985, Gabungan Persatuan Penulis Sarawak dan Dewan Bahasa dan Pustaka (Cawangan Kuching), Kuching.

²⁷ Sanib Said, “Pertubuhan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu di Sarawak Sebelum Malaysia : Satu Pengenalan”, *Sarawak Gazette*, 30 April 1979, hlm. 63-64.

²⁸ *Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, Jilid 2, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1995, hlm. 725-726 ; 2566-2567.

²⁹ Mohammad Dris, “Perkembangan Kesusasteraan Malaysia di Sarawak : Satu Pendekatan daripada Sudut Sejarah” dalam Hamzah Hamdani (ed.), *Wajah Sastera Sarawak*, hlm. 51-78.

³⁰ Ibid.

³¹ Mohd. Setar Mohd. Rani, “Kegiatan penulisan golongan Melayu terpelajar Sarawak di dalam bidang penulisan 1930-1950”, *Malaysia Dari Segi Sejarah*, Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia, Bil. 13, 1984, hlm. 57-71. Artikel ini juga diterbitkan dalam Hamzah Hamdani (ed.), *Wajah Sastera Sarawak*, hlm. 85-109.

pula *Utusan ASAS* khususnya dalam konteks perbincangannya berhubung kegiatan penulisan itu sendiri.

Jika diperhalusi tulisan tentang *Fajar Sarawak* yang diusahakan oleh Reece, Sabihah, Mohd. Setar, Jaraiee, Hajijah dan Mohammad, kesemuanya masih di takuk lama. Perbincangan mereka terhad kepada aspek kemunduran ekonomi, kepentingan pendidikan dan ancaman tanah orang Melayu, itupun ia disentuh secara umum sahaja. Aspek yang lain seperti pemikiran anti kolonial, kritikan terhadap pemimpin Melayu dan Vyner Brooke serta pengaruh reformis Islam tidak dibincangkan.

Jika dibandingkan dengan persuratkhabaran Melayu di Tanah Melayu sebelum Perang Dunia Ke-II, kesemua aspek yang disentuh oleh *Fajar Sarawak* turut dibangkitkan oleh akhbar dan majalah Melayu sezaman. Bahkan, ia diperkatakan dengan lebih meluas lagi berbanding *Fajar Sarawak* kerana tempoh penerbitannya lebih lama.³²

Sehingga kini, kajian terhadap *Utusan ASAS* secara menyeluruh dan mendalam belum diusahakan. *Utusan ASAS* juga tidak pernah digunakan untuk membincangkan isu penyerahan Sarawak.³³ Dalam tulisan terbaru mengenainya yang diusahakan oleh Ho Hui

³² Antaranya (sekadar menyebut beberapa contoh), *Al-Imam* (1906-1908), *Al-Ikhwan* (1926-1931), *Saudara* (1928-1941) *Utusan Melayu* (1907-1921), *Warta Malaya* (1930-1941), *Lembaga Melayu* (1914-1931), *Lembaga* (1935-1941), *Lembaga Malaya* (1934-1941) dan *Utusan Melayu* (1939-1941). Untuk butiran lanjut, rujuk A.M. Iskandar Haji Ahmad, *Persuratkhabaran Melayu 1876-1968*, hlm. 1-50.

³³ Antaranya, R.H.W. Reece, “The Cession of Sarawak to the British Crown in 1946”, Ph.D. Thesis, Australia National University, 1977. Sanib Said, “Anti-Cession Movement 1946-1951 : The Birth of Nationalism in Sarawak”, Graduation Exercise, B.A.,

Ling,³⁴ penulis berkenaan bukan sahaja tidak membincangkan aspek dan memberikan tafsiran baru tentang perjuangan anti penyerahan, malah beliau juga tidak menggunakan *Utusan ASAS* sebagai sumbernya.

Dalam konteks ini, isu dan persoalan yang dibangkitkan oleh *Utusan ASAS* turut terkesamping. Sama ada pengabaian ini disengajakan atau tidak, ia tetap merupakan satu kekurangan dalam pengkajian sejarah tempatan khususnya perjuangan anti penyerahan.

Penulis merupakan pengkaji pertama yang menggunakan *Utusan ASAS* sebagai sumber rujukan untuk menyiapkan Latihan Ilmiah pada 1997.³⁵ Ia menarik perhatian penulis untuk mengkajinya di peringkat Sarjana.

Perlu dinyatakan, perjuangan menentang penjajahan British di Tanah Melayu yang dilaksanakan melalui Malayan Union³⁶ dipelopori terutamanya oleh *Majlis, Warta*

Department of History, University of Malaya, Kuala Lumpur, 1975/1976 dan *Malay Politics in Sarawak 1946-1966 : The Search for Unity and Political Ascendancy*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1985. Sabihah Osman, “The Malay-Muslim Response to Cession of Sarawak to the British Crown 1946-1951”, *JEBAT*, Jurnal Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, No. 18, 1990, hlm. 145-174. Bujang Mohammad, “The Cession of Sarawak to Great Britain 1946”, Graduation Exercise, B.A., Department of History, University of Malaya, Singapore, 1960. Liang Kim Bang, “Sarawak 1946-1957”, Graduation Exercise, B.A., Department of History, University of Malaya, Singapore, 1964. Suffian Mansor, “Asas-Asas Gerakan Anti Penyerahan Sarawak”, *PURBA*, Jurnal Persatuan Muzium Malaysia, Bil. 19-2000, hlm. 1-15.

³⁴ Ho Hui Ling, “Penyerahan Sarawak kepada Kerajaan British, 1946-1951”, *Malaysia Dari Segi Sejarah*, Bil. 29-2001, hlm. 43-73.

³⁵ Nordi Achie, “Wanita dan Politik Sarawak 1946-1996 : Penglibatan, Peranan dan Tokoh”, Latihan Ilmiah B.A., Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1997/1998.

Negara dan *Utusan Melayu*.³⁷ *Utusan ASAS* pula memainkan peranan yang sama di Sarawak. Ia merupakan wadah utama pejuang kemerdekaan tempatan. Malah, penerbitannya juga dipengaruhi oleh peranan ketiga-tiga akhbar menentang Malayan Union.³⁸

³⁶ Penubuhannya dirancang sejak 1943 oleh Pejabat Perang, Pejabat India dan Tanah Jajahan British di London. Ia bertujuan melicinkan pentadbiran negeri-negeri Melayu bagi menyediakan kerajaan sendiri di Tanah Melayu. Penentangan terhadap Malayan Union dipimpin oleh Dato' Onn Ja'afar melalui United Malays National Organization (UMNO). Malayan Union yang disyiharkan pada 1 April 1946 digantikan dengan Persekutuan Tanah Melayu (Federation of Malaya) pada 1 Februari 1948. Untuk perbincangan lanjut tentang gerakan penentangan, rujuk Ramlah Adam, *Dato' Onn Ja'afar*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1994. Mohamad Nordin Sopiee, *From Malayan Union to Singapore Separation : Political Unification in the Malayan Region 1945-1965*, Penerbit Universiti Malaya, 1965. A.J. Stockwell, *British Policy and Malay Politics During the Malayan Union Experiment*, Monograph No. 10, Southeast Asia Studies, 1979. Albert Lau, *The Malayan Union Controversy 1942-1948*, Oxford University Press, Singapore, 1991. Khong Kim Hoong, *Merdeka! British Rule And The Struggle For Independent In Malaya 1945-1957*, Institute for Social Analysis (INSAN), Petaling Jaya, 1984. Ibrahim Mahmood, *Sejarah Perjuangan Bangsa Melayu*, Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1981. Mohammad Yunus Hamidi, *Sejarah Pergerakan Politik Melayu Semenanjung*, Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1961.

³⁷ Untuk perbincangan lanjut tentang peranan *Maylis*, *Warta Negara* dan *Utusan Melayu* menentang Malayan Union, rujuk Norlizanawati Md. Ali, "Malayan Union Dan Politik Melayu", Latihan Ilmiah, B.A., Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1998/1999. Misliah Salleh, "Utusan Melayu : Sumbangannya Kepada Orang Melayu Dari 1939-1946", Latihan Ilmiah, B.A., Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1998/1999. Ahmad Masjidin, "Malayan Union Dalam Ruangan Akhbar Warta Negara", dalam *Malaysia Dari Segi Sejarah*, No. 8, April 1979, hlm. 24-44. Zulkifli Abdullah, "The Malayan Union and Malay Reactions", Graduation Exercise, B.A., Department of History, University of Malaya, Kuala Lumpur, 1973/1974. Othman Mohamad, "Malay Response To The Malayan Union", Graduation Exercise, B.A., Department of History, University of Malaya, Kuala Lumpur, 1969/1970.

³⁸ R.H.W. Reece, *The Name of Brooke*, hlm. 251 ; 268. Mohammad Hasbie Sulaiman, *Perjuangan Anti-Cession Sarawak : Peranan Utama Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak*, Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak, Kuching, 1989, hlm. 102.

Utusan ASAS merupakan sumber penting untuk memahami dengan lebih jelas idea dan perjuangannya. Untuk mengikuti perkembangan perjuangan anti penyerahan dari perspektif *Utusan ASAS* khususnya dan golongan anti penyerahan umumnya, *Utusan ASAS* adalah sumber yang tidak wajar diabaikan.

Bab Pertama kajian ini membincangkan perkembangan persuratkhabaran di Sarawak dari 1870-1950 secara ringkas. Selain menyentuh pengedaran akhbar dan majalah luar negeri ke Sarawak, latar belakang penerbitan *Fajar Sarawak* dan *Utusan ASAS* juga dibincangkan.

Bab Kedua membincangkan pengasasan dan latar belakang *Fajar Sarawak* dan *Utusan ASAS*. Faktor yang menyebabkan penutupannya juga disentuh. Aspek isi kandungannya dibincangkan menerusi Bab 3³⁹ dan Bab 4.⁴⁰

³⁹ Untuk melihat perkaitan antara idea yang dikemukakan oleh *Fajar Sarawak* dengan ajaran Islam, diturunkan petikan (terjemahan) Al-Quran dan hadith. Terdapat juga petikan akhbar dan majalah Melayu sezaman. Ia bertujuan meletakkan idea *Fajar Sarawak* (termasuk *Utusan ASAS*) dalam konteks persuratkhabaran Melayu zamannya. Melaluinya, perbandingan idea (kritikan, gesaan dan saranan) secara umum juga dapat dilihat. Perkataan dan huruf tambahan yang terdapat dalam tanda kurungan [] adalah tambahan penulis.

⁴⁰ *Utusan ASAS* menggunakan sistem ejaan lama. Contohnya, raayat [rakyat], kechewa [kecewa], lengkongan [lingkungan], pehak [pihak], baha [bahawa], negri [negeri], tanahayer [tanah air] berondeng [berunding], umanah [amanah], sasuai [sesuai], tammadun [tamadun], artirap [iktiraf], jejahan [jajahan], ikhlak [akhhlak], menulak [menolak], penaalokan [penaklukan], halekhwal [hal ehwal], menibus [menebus], bedza [beza], pasisir [pesisir], sadikit [sedikit], semporna [sempurna], masaelah [masalah], naongan [naungan], ta' [tak], perkhidematan [perkhidmatan], maana [makna], demping [damping], inche [encik], merwah [maruah] dan ketahwi [ketahui].

Rumusan terhadap *Fajar Sarawak* dan *Utusan ASAS* dibincangkan dalam Bab 5. Ia dibincangkan berdasarkan tiga aspek utama. Pertama, membandingkan latar belakang dan isi kandungan *Fajar Sarawak* dengan *Utusan ASAS*. Kedua, mengenal pasti agenda yang diperjuangkannya. Ketiga, menilai peranan dan sumbangaan akhbar terhadap masyarakat sezaman.

Objektif utama kajian ini membincangkan isi kandungan *Fajar Sarawak* dan *Utusan ASAS* di samping latar belakangnya. Melaluiinya, isu dan persoalan yang dibangkitkannya dapat diperhalusi. Begitu juga sikap dan sensitiviti akhbar terhadap pergolakan semasa masyarakatnya. Ini turut mempengaruhi fokus isi kandungan akhbar. Ia menyebabkan *Fajar Sarawak* dan *Utusan ASAS* berbeza dari segi isi kandungan dan pendekatannya pula.

Pada dasarnya, penulis menggunakan kajian analisis teks. Kajian ini lebih bersifat tekstual. Penulis menggunakan pelbagai sumber untuk meletakkan perbincangan dalam perspektif zamannya. Antaranya rekod rasmi, buku, artikel, Latihan Ilmiah, Disertasi Sarjana dan Doktor Falsafah, jurnal, akhbar dan temu bual.

Dalam menyiapkan kajian ini, penulis menghadapi pelbagai masalah. Pertama, koleksi *Fajar Sarawak* dan *Utusan ASAS* yang kekal agak terbatas. Daripada sepuluh keluaran *Fajar Sarawak*, hanya empat sahaja yang kekal. *Utusan ASAS* pula, daripada 20 keluaran kesemuanya, tujuh daripadanya tidak dapat dikesani.

Kesemua pengasas *Fajar Sarawak* dan *Utusan ASAS* meninggal dunia. Tokoh yang pernah hidup sezaman semakin berumur. Ingatan mereka tidak kukuh. Rekod bertulis tentang *Fajar Sarawak* dan *Utusan ASAS* juga tidak ditemui.

Secara keseluruhannya, selain menyentuh perkembangan persuratkhabaran di Sarawak 1870-1950, kajian ini juga memberikan gambaran pergolakan yang berlaku dalam masyarakat sezaman. Isu dan persoalan (politik, ekonomi dan sosial) yang diperkatakan oleh akhbar dapat memberikan kefahaman yang lebih jelas terhadap idea dan perjuangannya. Sebagai akhbar Melayu yang berorientasikan perjuangan, peranan dan sumbangannya juga diberikan penilaian sewajarnya, sekaligus memahami kepentingan dan pengaruh akhbar terhadap masyarakatnya.